

Jaga kesihatan, penjagaan jantung kita



AHLI-AHLI panel forum, terdiri daripada wakil Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Dr. Haji Hambali bin Haji Jailli; dan wakil dari Kementerian Kesihatan, Konsultan, Ketua Unit Kardiologi, Dr. Mohamad Ezam bin Emran. Manakala moderator bagi forum berkenaan, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Yusof bin Haji Abd. Majid.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Sabtu, 16 Januari. - Hidup yang sihat adalah satu kemestian dalam diri kita dan ke arah itu, kita perlu tahu dengan lebih lanjut mengenai Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (Non-Communicable Diseases - NCDs), bagaimana untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan menjaga kesihatan mengikut sunnah juga pemeriksaan kesihatan secara percuma.

Sehubungan itu, forum bertajuk 'Jantung Hatiku' diadakan hari ini, di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait sempena Sambutan Majlis Ilmu 2020. Forum dianjurkan oleh Pihak Jawatankuasa Kerja Acara Sampingan Majlis Ilmu 2020.

Hadir selaku tetamu khas

pada forum tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi dan Ketua Kampung Labi I.

Ahli-ahli panel forum, terdiri daripada wakil Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Dr. Haji Hambali bin Haji Jailli; dan wakil dari Kementerian Kesihatan, Konsultan, Ketua Unit Kardiologi, Dr. Mohamad Ezam bin Emran.

Manakala moderator bagi forum berkenaan, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Yusof bin Haji Abd. Majid.

Forum itu diadakan bertujuan


untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga kesihatan, terutama sekali penjagaan jantung dari aspek perbuatan dan kerohanian.

Selain forum, pameran berkaitan dengan kesihatan juga diadakan di masjid berkenaan, di samping beberapa aktiviti, seperti pemeriksaan dan kuiz kesihatan.

Para jemputan juga berpeluang menyaksikan beberapa buah pameran mengenai kesihatan, pemakanan sihat yang merangkumi NCDs, faktor dan risiko, pemakanan sunnah, kegiatan fizikal, tidak merokok, kesihatan mental dan sesi pemeriksaan kesihatan.

Pada pameran tersebut, orang ramai yang berkunjung diberikan penerangan mengenai kesihatan dan kesempatan membuat pemeriksaan tahap BMI juga tekanan darah.

Forum dan pameran sempena Majlis Ilmu 2020 itu



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi dan Ketua Kampung Labi I (empat, kanan) hadir pada forum bertajuk 'Jantung Hatiku' diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait sempena Sambutan Majlis Ilmu 2020. Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang (tiga, kanan).

diungkuhkan bersama oleh Kementerian Kesihatan, KHEU, UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) di bawah Jawatankuasa Kerja Acara Sampingan bagi Sambutan Majlis Ilmu 2020.

Orang ramai boleh mengikut laman sesawang www.majlisilmu.gov.bn dan media sosial rasmi Majlis Ilmu 2020, iaitu

Instagram @mi.brunei2020 juga Facebook Majlis Ilmu 2020 bagi maklumat mengenai acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan sempena Majlis Ilmu 2020.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; dan Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohd. Aliyani bin Ismail.



PAMERAN sempena Majlis Ilmu 2020 tersebut.

Bengkel perkasa strategi dakwah

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Sabtu, 16 Januari. - Sebagai salah satu usaha bagi mendukung Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama

REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) selaku fasilitator Bengkel Pemantapan Dakwah.

(KHEU) 2020-2024, KHEU melalui Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber manusia, Jabatan Pentadbiran mengadakan Bengkel Pemantapan Dakwah sehingga 21 Januari 2021 dan diadakan bertempat di Dewan Melor, Tingkat 2, di sini.

Seramai 30 Pegawai KHEU Bahagian III dan ke atas menghadiri bengkel tersebut di bawah bimbingan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku fasilitator bengkel.

Bengkel antara lain bertujuan bagi memperkasa strategi dakwah yang relevan dengan keadaan dan perkembangan di samping memantapkan metodologi dakwah dan da'ie yang berwibawa dan



ANTARA tujuan bengkel adalah bagi memperkasa strategi dakwah yang relevan dengan keadaan dan perkembangan, di samping memantapkan metodologi dakwah juga da'ie yang berwibawa.

seterusnya meningkatkan kemahiran da'ie secara teori serta praktikal mengenai teknik-teknik penyampaian mesej dakwah yang lebih berkesan.

Menurut fasilitator, peranan ulama adalah menjelaskan kebenaran (Al-Haq) kepada masyarakat mengikut pegangan Ahli Sunnah Waljamaah melalui

pelbagai medium seperti ceramah, forum, penulisan dan sebagainya, di samping mendedahkan kepada masyarakat aliran dan ajaran yang menyeleweng dari dasar akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Bengkel akan berakhir pada Khamis ini dengan majlis penyampaian sijil.

ANTARA yang menyertai Bengkel Pemantapan Dakwah tersebut.

